

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI | MAAF ZAHIR BATIN

\$ E L E S A
\$ I M P A N
\$ E A D A N Y A



Syarikat yang menyimpan tunai dalam jumlah yang besar boleh dilihat sebagai mengambil langkah berhati-hati. Bagaimanapun, apabila syarikat awam tersenarai (PLC) menyimpan lebih tunai selama bertahun-tahun tanpa perancangan yang jelas dan strategik, hal ini menimbulkan persoalan tentang pengagihan modal dan tadbir urus korporat.

TERLALU BANYAK TUNAI DISIMPAN, PELABUR JADI KEBINGUNGAN

Syarikat yang menyimpan tunai dalam jumlah yang besar boleh dilihat sebagai mengambil langkah berhati-hati. Bagaimanapun, apabila syarikat awam tersenarai (PLC) menyimpan lebih tunai selama bertahun-tahun tanpa perancangan yang jelas dan strategik, hal ini menimbulkan persoalan tentang pengagihan modal dan tadbir urus korporat.

Wang tunai yang tidak dimanfaatkan bukan sekadar tersimpan begitu sahaja. Ia sebenarnya menghakis nilai dan menghalang pelabur daripada mendapat pulangan yang sewajarnya. Situasi ini jelas berlaku dalam kes Computer Forms (M) Berhad (CFM), Insas Berhad (INSAS) dan Eksons Corporation Berhad (EKSONS). Ketiga-tiga syarikat ini sudah lama dibawah pemerhatian yang tinggi berikutan penyimpanan tunai berlebihan tanpa penggunaan yang produktif.

Computer Forms (M) Berhad

CFM ditubuhkan pada tahun 1961 dan beroperasi dalam industri percetakan dan pembungkusan. Walaupun perniagaan terasnya berkembang perlahan, syarikat ini mempunyai simpanan tunai yang besar hasil daripada jualan empat lot tanah di Setapak, Kuala Lumpur kepada FCW Holdings Berhad pada tahun 2021 dengan harga RM91.1 juta.

Setakat 31 Disember 2024, CFM mempunyai kedudukan tunai bersih sebanyak RM86.12 juta, merangkumi 66% daripada jumlah aset dan 72% daripada jumlah ekuiti. MSWG telah membangkitkan persoalan mengenai jumlah tunai yang tinggi ini dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) terbaru, tetapi syarikat ini hanya memberikan jawapan kabur tanpa penjelasan yang kukuh (lihat sisipan). Syarikat perlu menjelaskan rancangan mereka untuk menangani jurang ini, misalnya dengan cara pembayaran dividen atau pembelian balik saham, dan bukannya menyebut "pengurangan hutang", yang bercanggah dengan kedudukan tunai bersihnya yang besar.

PETIKAN SOAL JAWAB BERSAMA COMPUTER FORMS (M) BERHAD

Soalan MSWG

CFM berada dalam kedudukan tunai bersih sebanyak RM86.3 juta (setakat 30 September 2024), jauh lebih tinggi daripada permodalan pasaran syarikat yang bernilai RM31 juta pada 19 Februari 2025.

Adakah syarikat bercadang untuk memberi nilai kepada pemegang saham dengan mengembalikan sebahagian daripada tunai ini melalui dividen atau pembelian balik saham?

Jawapan CFM:

Syarikat akan mempertimbangkan prospek pertumbuhan industri dan jangkaan pemegang saham bagi menyesuaikan strategi secara dinamik untuk memaksimumkan nilai pemegang saham. Penambahbaikan operasi seperti pengurangan hutang, perniagaan sampingan (spin-off) dan inisiatif pertumbuhan sentiasa menjadi sebahagian daripada pelan syarikat selagi ia tidak menjejaskan nilai pemegang saham. Syarikat akan menilai kedudukan tunai secara berhati-hati bagi memenuhi keperluan aktiviti operasi, pengembangan pasaran geografi, pelaburan strategik serta pendekatan lain yang boleh memberikan pulangan ketara kepada pemegang saham.

Tanpa rancangan pelaburan atau pemerolehan yang jelas, lebih tunai CFM ini tidak menyumbang terhadap penciptaan nilai. Para pemegang saham tidak melihat potensi pertumbuhan, sebaliknya semakin ragu dengan komitmen syarikat dalam usaha memaksimumkan nilai untuk mereka. Situasi ini mencerminkan kelemahan dalam tadbir urus syarikat, yang menyaksikan lembaga pengarah gagal mengurus sumber kewangan dengan berkesan.

Insas Berhad

Insas, sebuah syarikat pegangan pelaburan dengan pelbagai aktiviti perniagaan, turut dikritik kerana menyimpan lebih tunai tanpa digunakan untuk memberi manfaat kepada pemegang saham. Setakat 31 Disember 2024, Insas mempunyai tunai bersih sebanyak **RM921.4 juta**, yang mewakili kira-kira satu pertiga daripada jumlah aset dan ekuiti syarikat.

Selama bertahun-tahun, pemegang saham minoriti telah meminta syarikat menjelaskan rancangan mereka untuk menggunakan wang tunai ini. Malah ada pemegang saham yang mencadangkan supaya sebahagian daripadanya dikembalikan dalam bentuk dividen. Namun, Insas tetap dengan pendirian mereka iaitu mengambil pendekatan berhati-hati dan konservatif dalam pengurusan tunainya. (Lihat sisipan)

Untuk tahun kewangan 2024, Insas mengekalkan dividen tunai sebanyak 2.5 sen sesaham, dengan hasil dividen sebanyak 2.7%. Lembaga pengarah berpuas hati dengan pembayaran dividen ini kerana ia membantu mengekalkan keuntungan terkumpul untuk pertumbuhan Syarikat dalam jangka panjang.

Selain itu, pemegang saham berpendapat bahawa penyenaian anak syarikat pembrokeran sahamnya, M&A Securities Sdn Bhd, melalui pengambilalihan berbalik (*reverse takeover*, RTO) pada tahun 2023 telah mengurangkan beban tanggungjawab Insas untuk menyokong modal kerja perniagaan tersebut. Tambahan pula, pelaksanaan RTO bermakna cabang pembrokeran sahamnya itu boleh memenuhi keperluan pendanaan ekuiti dan hutangnya pada masa hadapan melalui pasaran kewangan dan modal secara bebas.

PETIKAN SESI SOAL JAWAB BERSAMA INSAS BERHAD

Soalan MSWG

Kedudukan tunai yang kukuh serta nisbah pembayaran dividen yang rendah sebanyak 20% menunjukkan bahawa Insas berkemampuan untuk memberikan ganjaran yang lebih tinggi kepada pemegang sahamnya. Adakah lembaga pengarah akan mempertimbangkan untuk meningkatkan dividen? Jika tidak, bagaimanakah pihak pengurusan merancang untuk memberi dan memaksimumkan nilai tunai yang besar ini?

Jawapan Insas:

Kami menjangkakan tahun kewangan 2025 sebagai tahun yang mencabar. Memandangkan ekonomi global yang tidak menentu, pihak pengurusan mengambil pendekatan yang berhemat, berhati-hati dan konservatif, bagi memastikan rizab tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pembiayaan unit perniagaan teras serta memberikan fleksibiliti kepada Kumpulan untuk melabur dalam peluang pelaburan yang berdaya maju. Kumpulan sentiasa mencari dan menilai prospek pelaburan yang berpotensi memberikan pulangan yang menarik.

Insas juga memiliki 13.52% pegangan dalam Inari Amertron Berhad yang bernilai RM1.066 bilion, jauh lebih tinggi daripada permodalan pasaran Insas sendiri iaitu sebanyak RM610 juta. Tahun demi tahun, ramai yang kecewa dengan hala tuju syarikat yang tidak mempunyai strategi yang jelas untuk memberi nilai kepada pemegang saham.

Eksons Corporation Berhad

Eksons kini lebih tertumpu pada pembangunan hartanah. Ia juga sebuah syarikat tersenarai awam yang menyimpan lebih tunai tanpa strategi penggunaan yang jelas. Setakat 31 Disember 2024, sekuriti pelaburan jangka pendek, deposit tetap, serta tunai dan baki bank Eksons berjumlah **RM265.23 juta**, mewakili 66% daripada jumlah asetnya sebanyak RM402.38 juta. Daripada jumlah itu, sebanyak RM246.4 juta telah dilaburkan dalam sekuriti jangka pendek di bawah kelolaan bank pelaburan antarabangsa di luar Malaysia. EKSONS telah memperuntukkan sebahagian besar tunainya ke dalam sekuriti pelaburan sejak tahun kewangan 2018 dan syarikat ini tidak mempunyai pinjaman bank.

Menjawab soalan MSWG tentang strategi pelaburan semula tunai syarikat atau kemungkinan memulangkan lebih tunai kepada pemegang saham (lihat sisipan), Eksons menyatakan bahawa mereka sedang mengkaji perniagaan teras yang berpotensi dan akan memberikan keutamaan kepada pemerolehan perniagaan baharu atau pelaburan dalam bidang pembangunan hartanah apabila keadaan pasaran mengizinkan.

PETIKAN SOAL JAWAB BERSAMA EKSONS BERHAD

Soalan MSWG

Pada akhir tahun kewangan 2024, sekuriti pelaburan jangka pendek, deposit tetap jangka pendek, tunai dan baki bank Kumpulan berjumlah RM283.74 juta, bersamaan kira-kira 68% daripada jumlah aset sebanyak RM418.32 juta. Hal ini menjadikan Kumpulan hampir mencapai Kriteria Tunai di bawah Perenggan 8.03 Kehendak-kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities, yang berpotensi mengklasifikasikannya sebagai Syarikat Tunai.

- a) Memandangkan operasi papan lapis telah dihentikan dan Kumpulan memerlukan projek baharu untuk dilancarkan sejak 2018, adakah Kumpulan mempunyai rancangan strategik untuk melaburkan semula rizab tunainya dalam pemerolehan perniagaan teras baharu?
- b) Jika Kumpulan tidak mempunyai rancangan segera untuk pemerolehan, adakah lembaga pengarah akan mempertimbangkan untuk mengagihkan dividen tambahan bagi memulangkan lebih tunai kepada pemegang saham?

Jawapan Eksons:

- a) *Kumpulan sedang mengkaji potensi perniagaan teras baharu serta menilai daya maju pembangunan hartanah di tanahnya di Seremban 3.*
- b) *Keutamaan kami adalah memperoleh perniagaan baharu atau melabur dalam pembangunan hartanah sekiranya keadaan mengizinkan. Pengagihan dividen akan dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada strategi untuk memastikan kemampuan syarikat.*

Dalam pasaran yang penuh dengan peluang pertumbuhan, membiarkan tunai tidak digunakan boleh mendatangkan risiko yang menghakis nilai pemegang saham. Situasi ini menunjukkan bahawa lebih tunai yang tidak dimanfaatkan dalam jangka masa panjang boleh membawa kepada kemerosotan nilai syarikat.

Mengapakah Menyimpan Tunai Berlebihan Menjejaskan Nilai?

Isu PLC yang menyimpan tunai secara berlebihan tanpa pelan strategik bukan sekadar tentang modal yang tidak digunakan. Ia juga berkait dengan tadbir urus korporat. Apabila sesebuah syarikat memiliki rizab tunai yang besar, para pemegang saham mengharapkan pihak pengurusan sama ada melaburkan dana tersebut untuk mengembangkan perniagaan, mengurangkan hutang atau mengembalikannya kepada pemegang saham. Kegagalan berbuat demikian boleh dilihat sebagai kehilangan peluang untuk menjana nilai.

Syarikat yang menyimpan wangtunainya tanpa perancangan yang jelas menimbulkan persoalan tentang kecekapan dan keutamaan pihak pengurusan serta lembaga pengarahnya. Pelabur yang mengharapkan pulangan daripada modal mereka mungkin berasa kecewa apabila melihat tiada tindakan yang proaktif diambil. Keadaan ini boleh mewujudkan sentimen yang negatif, seterusnya menghakis kepercayaan terhadap kepimpinan dan menjejaskan harga saham syarikat.

Meningkatkan Nilai

Syarikat yang kaya dengan tunai tetapi mempunyai prospek pertumbuhan terhad, seperti CFM, Insas dan Eksos, seharusnya mengutamakan pemulangan lebih tunai kepada pemegang saham melalui dividen atau pembelian balik saham.

Dividen memberikan pulangan segera dan mencerminkan keyakinan syarikat, manakala pembelian balik saham mengurangkan jumlah saham yang diedarkan, meningkatkan pendapatan sesaham dan harga saham. Kedua-dua langkah ini boleh membantu menambah nilai syarikat serta mengurangkan kebimbangan terhadap lebih tunai.

Bagaimanapun, langkah-langkah ini memerlukan akauntabiliti daripada lembaga pengarah. Pemegang saham minoriti perlu menuntut ketelusan melalui mesyuarat agung tahunan (AGM) dengan memperjuangkan rangka kerja peruntukan modal yang jelas.

Sebagai contoh, IFCA MSC Berhad secara terbuka menyatakan rancangan mereka untuk mengekalkan tidak lebih daripada RM70 juta tunai dalam kunci kira-kira dan jika jumlahnya melebihi had itu, lembaga pengarah merancang untuk mengembalikan 100% lebih tunai syarikat kepada pemegang saham dalam bentuk dividen tunai.

Jika baki tunai menyusut ke bawah RM70 juta disebabkan oleh peluang pelaburan yang berpotensi meningkatkan nilai, IFCA MSC diberikan kebebasan sementara untuk menyelaraskan pembayaran dividen bagi memulihkan baki tunai jika perlu.

Kesimpulan


Amalan menyimpan tunai secara berlebihan oleh syarikat PLC seperti CFM, Insas dan Eksons menimbulkan kebimbangan terhadap amalan pengurusan modal mereka. Rizab tunai yang tidak digunakan boleh mengehadkan potensi pulangan, seperti Pulangan Atas Ekuiti (ROE), kepada pemegang saham serta menghakis keyakinan pelabur.

Bagi menangani isu ini, Lembaga perlu melihat semula strategi syarikat untuk menambah baik nilai pemegang saham selain turut memantau secara aktif ROE Kumpulan. Jika syarikat PLC telah mengeluarkan modal secara berlebihan, Lembaga perlu menimbang pенсаizan wajar kunci kira-kiranya dan mengembalikan modal berlebihan kepada pemegang saham melalui pemberian dividen. Lembaga pengarah perlu mengambil pendekatan yang lebih proaktif dalam memastikan sumber kewangan syarikat diurus dengan berkesan serta sejajar dengan kepentingan pemegang saham.

Pada akhirnya, pemegang saham minoriti perlu memastikan PLC bertanggungjawab terhadap keputusan pengurusan modal mereka serta mendorong PLC untuk menggunakan atau mengagihkan rizab tunai kepada pemegang saham.

[TAMAT]

Pengumuman Khas



28 APRIL 2025 | MONDAY
9:00 AM - 5:00 PM
AICB CENTRE OF EXCELLENCE, KL

1 DAY course

Registration Fee **RM1,800**


Early Bird (Before 18 April 2025) **RM1,600**

Group of 2 or more **RM1,600**

All prices are subject to any applicable government tax.

All MSWG subscribers enjoy special rate for registration.
Please contact us for more details.

Register now



Scan the QR code or click here

For more info, please contact:
Khalidah Khalil
+6017 630 0754
khalidah@mswg.org.my

Minority Shareholders Watch Group
Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (00100102292)

Level 23-2, Menara AIA Sentral
No.30, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur, Malaysia
+603 2732 0010
www.mswg.org.my

Navigating the National Sustainability Reporting Framework & Latest Bursa Listing Requirements

Programme Overview

In September 2024, the Securities Commission Malaysia announced implementation of the National Sustainability Reporting Framework (NSRF). It mandates IFRS Sustainability Disclosure Standards (ISSB Standards) for listed and large non-listed companies. The framework aims to enhance transparency, accountability and business resilience, aligning the nation's sustainability goals. In December 2024, Bursa Malaysia announced corresponding amendments to the Listing Requirements. Compliance will be phased, starting in 2025 for large Main Market PLCs, extending to others by 2027.

Part 1 | 9.00 am - 10.30 am

Developments in the International Sustainability Reporting Landscape

- Commonly adopted sustainability reporting frameworks
- How the ISSB was formed and global adoption trends
- Adoption timelines for Malaysia – NSRF and Bursa Listing Requirements
- Design and applicability of the standards:
 - IFRS S1** – General Requirements for Disclosure of Sustainability-related Financial Information
 - IFRS S2** – Climate-related Disclosures
- Future developments in the pipeline

Part 2 | 11.00 am - 12.30 pm

IFRS S1 – General Requirements for Disclosure of Sustainability-related Financial Information

- Conceptual foundations
 - Materiality
 - Reporting Entity
- How to shortlist financially material sustainability matters
- Sources of Guidance (SASB, GRI, ESRS)
- Statement of Compliance
- Treatment of Errors

Part 3 | 2.00 pm - 3.30 pm

IFRS S2 – Climate-Related Disclosures


- TCFD 101 as a foundation for IFRS S2**
 - Climate Risks: Physical and Transition Risks
- IFRS S2 – Core content**
 - Governance, Strategy, Risk Management, Metrics and Targets

Part 4 | 3.45 pm - 5.00 pm

Transitioning to an ISSB Report and other key considerations:

- Reliefs – Proportionality and scalability mechanisms
 - Without undue cost or effort
 - Consideration of skills, capabilities and resources
- What would an ISSB Report look like versus the current sustainability report formats
- Assurance of Sustainability Reports

Trainer's Profile
San Mei Kim



Mei Kim is a sustainability trainer. Prior to this, she was the former Sustainability Lead, Corporate Governance and Sustainability with the Regulation function at Bursa Malaysia. She co-led the development of key sustainability-related initiatives for the Malaysian capital market. This includes putting in place enhancements to Bursa Malaysia's Sustainability Reporting Framework (consisting of the listing requirements, sustainability reporting guides and related toolkits) as well as capacity building initiatives for public listed companies.

She is a GRI Certified Sustainability Professional and holds a Master in Sustainable Development Management from the Jeffrey Sachs Centre (Sunway University). She is also a member of the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), Association of Certified Fraud Examiners (ACFE) and the Malaysian Institute of Accountants (MIA).





CLIMATE GOVERNANCE MALAYSIA

NATIONAL CLIMATE GOVERNANCE SUMMIT 2025

TRANSITION FINANCE: THE FOUNDATION OF THE TRANSITION ECONOMY

7-11 APRIL | SASANA KIJANG | HYBRID | REGISTER NOW

Over 70 Speakers, and 3 days of Workshops & Masterclasses.



PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas bergantung kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.